

NO. SOALAN: 170

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar (sejak diperkenalkan Januari 2016) dan perkhidmatan tren elektrik (ETS) dari Padang Besar, Perlis ke KL Sentral (sejak beroperasi Julai 2015). Nyatakan kos operasi kedua-dua perkhidmatan berkaitan sehingga kini, keuntungan/defisit. Termasuk maklumat kekerapan kerosakannya sekiranya ada.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar telah mula diperkenalkan pada 1 Januari 2016 manakala Perkhidmatan ETS bagi laluan Padang Besar – KL Sentral – Padang Besar adalah pada 10 Julai 2015.

2. Statistik bagi kedua-dua laluan ini adalah seperti berikut:

Perkhidmatan	KTM Komuter	ETS
Laluan	Padang Besar – Butterworth – Padang Besar	Padang Besar – KL Sentral – Padang Besar (558km)
Purata bilangan penumpang sehari	(i) Januari 2016: 739 penumpang (ii) Ogos 2016: 4,234 penumpang	(i) Julai 2015: 568 penumpang (ii) Ogos 2016: 1,328 penumpang

3. Sejak mula diperkenalkan sehingga bulan Ogos 2016, ETS laluan Padang Besar – KL Sentral – Padang Besar merekodkan keuntungan. Sebaliknya, KTM Komuter laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar telah mencatatkan kerugian.

4. Kerugian ini disebabkan kadar tambang yang ditawarkan bagi perkhidmatan KTM Komuter laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar adalah terlalu rendah iaitu

RM0.10 per penumpang/kilometer (pax-km) yang tidak dapat menampung kos operasi yang tinggi yang meliputi tenaga elektrik, penyelenggaraan stok keretapi dan infrastruktur keretapi.

5. Sementara itu, sehingga Ogos 2016, jumlah kerosakan yang dilaporkan adalah sebanyak 14 kerosakan bagi KTM Komuter laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar dan 2 kerosakan bagi ETS laluan Padang Besar – KL Sentral – Padang Besar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

SOALAN : NO. 171

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan, permohonan berjaya dan jumlah rayuan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) awam bagi sesi 2016/2017. Berikan pecahan mengikut negeri dan kaum. Juga nyatakan jumlah kes rayuan yang tidak berjaya dan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan permohonan kemasukan ke Universiti Awam (UA) bagi program pengajian lepasan STPM/ Matrikulasi/ Asasi (Ijazah Pertama) Sesi Akademik 2016/2017 telah diumumkan pada 8 Ogos 2016. Sebanyak 58,011 permohonan telah diterima dan 54,618 (94.2%) adalah calon yang layak dan melepasi Syarat Am Kemasukan. Daripada jumlah calon yang layak tersebut, sebanyak 39,862 (73%) telah berjaya ditawarkan tempat di 18 UA tidak termasuk USM dan UM yang membuat ambil sendiri. Hal ini disebabkan bilangan tempat yang disediakan oleh UA adalah terhad dan bagi menjamin kualiti dan dapat melahirkan graduan yang holistik.

Sejumlah 14,756 (27%) calon STPM/ Matrikulasi/ Asasi yang layak tetapi gagal ditawarkan sebarang tempat di 18 UA boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh 5 hari selepas keputusan diumumkan. Setelah permohonan rayuan UPUOnline ditutup pada 12 Ogos 2016, sebanyak 12,961 (87.8%) permohonan rayuan telah diterima dan daripada jumlah ini hanya 11,338 (87.5%) sahaja yang layak untuk dipertimbangkan bagi rayuan kemasukan ke 18 UA. Jumlah calon yang berjaya dalam proses rayuan di 18 UA adalah sebanyak 2,642 (23.3%).

Calon yang ditawarkan tempat adalah bergantung pada kekosongan tempat selepas pendaftaran pelajar baharu. Oleh yang demikian, jumlah calon yang berjaya dalam rayuan adalah terhad dan bergantung pada kekosongan yang ada di 18 UA.